

# Setiap PBT perlu ada doktor pokok

**SHAH ALAM:** Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming menyarankan agar pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai doktor pokok atau arborist dalam perkhidmatannya bagi menambah baik pengurusan landskap di setiap kawasan perbandaran.

Beliau berkata bagi tujuan itu, setiap petugas landskap PBT perlu mengikuti kursus arborist anjuran Jabatan Landskap Negara bagi memastikan matlamat berkenaan dapat dicapai.

Mengakui terdapat PBT yang berdepan masalah kewangan dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok, Nga berkata usaha mewujudkan arborist perlu disusuli langkah memperkemas senarai inventori pokok di kawasan pentadbiran setiap PBT.

"Sebagai contoh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sudah ada (inventori) jadi mereka tahu pokok mana, jenis apa, mana yang sihat atau perlu dipangkas ikut jadual.

"Penjagaan kesihatan dan penyelenggaraan serta inventori pokok amat penting terutama bagi yang sudah berusia," katanya.

Nga berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan majlis penutup Forum Perbandaran Hijau 2024 dan sempena Hari Landskap Negara (HLN) 2024 di sini semalam.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan buku 200 Malaysia's Native Trees For Street Planning yang kemudian akan diedar kepada setiap PBT sebagai panduan untuk menambah baik pengurusan pokok di kawasan perbandaran.

Nga berkata, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut menyasarkan negara mencapai sekurang-kurangnya RM1 bilion nilai eksport membabitkan penjualan produk landskap menjelang akhir 2024.

Beliau berkata, penganjuran HLN adalah antara usaha KPKT ke arah mencapai sasaran itu dan melaluinya, negara dapat mempamerkan pencapaian, inovasi, teknologi serta produk membabitkan industri landskap yang dimiliki.

"Kita sudah kenal pasti beberapa pasaran berpotensi tinggi seperti Singapura yang mana kebanyakan pokok serta produk landskap yang digunakan dibeli dari Malaysia," katanya. -Bernama